



**SIARAN AKHBAR  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

***PRICE CONTROL ACT (AMENDMENT) ORDER, 2021  
PRICE CONTROL (MAXIMUM PRICES AND CHARGES) (AMENDMENT)  
ORDER, 2021  
PRICE CONTROL (MINIMUM PRICE AND CHARGES) (REPEAL) ORDER, 2021***

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi ***Price Control Act (Amendment) Order, 2021*** yang dihasratkan untuk mengukuhkan lagi rangka perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 di Negara ini untuk berkuatkuasa mulai **23 November 2021**.
  
2. Objektif pindaan ke atas Akta Kawalan Harga, Penggal 142 ini adalah bagi mengemaskini dan mengukuhkan peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam usaha bagi memperkesan dan memperseapkawan lagi langkah-langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JPES agar kekal relevan dengan konteks ekonomi semasa dan matlamat ekonomi Negara Brunei Darussalam dalam jangka panjang.
  
3. Pindaan ke atas Akta Kawalan Harga, Penggal 142 ini juga disertai dengan pindaan terhadap undang-undang tambahan iaitu ***Price Control (Maximum Prices and Charges) (Amendment) Order, 2021*** dan ***Price Control (Minimum Price and Charges) (Repeal) Order, 2021*** yang akan berkuatkuasa pada tarikh ianya diwartakan.
  
4. Dalam usaha bagi memelihara kepentingan dan kesejahteraan orang ramai, pindaan utama termasuk memberi peruntukan yang membolehkan JPES melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan harga barang tertentu dalam keadaan tertentu seperti semasa krisis pandemik COVID-19 atau keadaan yang sangat memerlukan bagi tempoh yang bersesuaian.

5. Kegagalan para peniaga dalam memberikan kerjasama seperti tidak memberi maklumat atau rekod yang diperlukan secara telus atau menghalang petugas untuk memasuki atau memeriksa premis perniagaan, adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti jika sabit kesalahan di bawah Akta berkenaan.
6. Pindaan juga merangkumi pengemaskinian senarai barang yang dikawal harga maskimum secara berterusan di bawah Akta Kawalan Harga, yang mana termasuk barang yang diberi subsidi oleh Kerajaan seperti beras, gula dan bahan tenaga, serta barang keperluan asasi seperti minyak masak dan susu tepung formula (anak damit hingga 6 tahun).
7. Bagi sebarang pertanyaan mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142, orang ramai boleh menghubungi JPES melalui emel [kawalanharga@jpес.gov.bn](mailto:kawalanharga@jpес.gov.bn).

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 22 Jamadilawal 1443  
27 Disember 2021